

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DR. LINGESHWARAN A/L DATO'  
SERI R. ARUNASALAM**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah Malaysia mencapai sasaran 3.6 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu pengurangan 50% dalam kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya menjelang 2020 dan bagaimanakah dengan pencapaian terkini untuk sasaran 11.2 SDG serta strategi Kerajaan untuk mencapai sasaran ini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan analisa terhadap data kematian akibat nahas jalan raya di dalam situasi *business as usual* iaitu sekiranya tiada langkah intervensi atau program berstruktur dilaksanakan, bilangan kematian akibat nahas jalan raya dijangka mencecah 8,760 kematian pada tahun 2015 dan 10,716 kematian menjelang tahun 2020. Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui dokumen rasmi iaitu Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014-2020 yang telah dibangunkan selari dengan usaha di peringkat global dalam menangani isu keselamatan jalan raya di bawah *United Nations Decade of Action for Road Safety 2011-2020*, telah menetapkan sasaran pengurangan sebanyak 50% kematian akibat nahas jalan raya. Dengan menjadikan tahun 2020 sebagai tahun asas, jumlah kematian akibat nahas jalan raya hendaklah tidak melebihi 5,358.
2. Jumlah kematian akibat nahas jalan raya yang telah dicatatkan bagi tahun 2020 adalah sebanyak 4,634 kematian, iaitu 13.5 % (724) lebih rendah berbanding had yang ditetapkan.
3. Melalui strategi-strategi di bawah Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2014-2020 yang telah dilaksanakan, Indeks Kematian telah diturunkan kepada 1.43 pada tahun 2020 berbanding 2.66 pada tahun 2014.
4. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha mengurangkan jumlah kematian akibat nahas jalan raya merangkumi penguatkuasaan pemanduan melebihi had laju melalui kamera AwAS.
5. Selain itu, kerajaan turut melaksanakan penambahbaikan dan rawatan infrastruktur jalan raya secara berterusan terutama sekali di lokasi-lokasi jalan kerap berlaku kemalangan (*blackspot*). Kempen-kempen keselamatan jalan raya juga akan dipertingkatkan dengan penglibatan pelbagai pemegang taruh seperti persatuan belia, komuniti termasuk institusi pendidikan dan institusi pengajian tinggi.

## NO. SOALAN: 31

6. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 3.6 untuk 50% pengurangan kematian dan kecederaan akibat naas jalan raya masih diteruskan melalui pembangunan kesinambungan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030. Pelan yang dibangunkan ini adalah selari dengan saranan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Resolusi 74/299 yang mengisyiharkan bagi tempoh 2021-2030 sebagai Tindakan Sedekad Global bagi Keselamatan Jalan Raya yang Kedua (*Decade of Action for Road Safety 2021-2030*) melalui SDG 3.6 dan SDG 11.2.
7. Berdasarkan data kemalangan jalan raya oleh PDRM bagi tempoh Januari hingga November 2024, punca utama kemalangan maut antaranya adalah **kecuaian sendiri (1,667 kes maut)**, **cuaikeluar/masuk simpang jalan susur (690 kes)**, diikuti **cuaimemotong atau menukar laluan (525 kes)**, dan **leka/berangan/mengantuk (419 kes)**.
8. Isu keselamatan jalan raya amat diberikan perhatian serius oleh kerajaan khususnya melalui Kementerian Pengangkutan (MOT). Walau bagaimanapun, apa juar yang dilaksanakan oleh Kerajaan memerlukan kerjasama semua pengguna jalan raya bagi memastikan pematuhan terhadap semua peraturan jalan raya sebagai salah satu usaha paling berkesan mengurangkan kadar naas jalan raya.

Sekian, terima kasih.